

24/06/2003

Memperkasa Umno untuk mengharungi ancaman baru

Kamal Ahmad

TERNYATA Umno, orang Melayu dan rakyat Malaysia tidak kehilangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas beliau berundur daripada jawatan Perdana

Menteri dan Presiden Umno, Oktober depan.

Namun, sambil menegaskan bahawa beliau sama sekali tidak akan melupakan

Umno dan terus berjuang walaupun sesudah bersara, Dr Mahathir memberi beberapa amaran, nasihat, peringatan dan syarat terhadap ahli dan pemimpin

parti, orang Melayu serta rakyat Malaysia berhubung masa depan yang sebenarnya ditentukan oleh mereka sendiri.

Kemampuan Dr Mahathir tampil menggulung perbahasan dalam Perhimpunan Agung Umno Ke-54, Sabtu lalu tanpa emosi ternyata berjaya menyampaikan mesej amanatnya.

Dr Mahathir sedar, jika beliau beremosi, perwakilan akan lebih beremosi.

Kesan psikologinya, mesej amanat tidak kesampaian kerana hati perwakilan terasa luluh jika beliau sebak dan menangis.

Sekali lagi mereka berasa kehilangan Dr Mahathir sebagaimana terjadi tahun lalu sehingga seolah-olah hidup orang Melayu sukar dan tidak terjamin lagi selepas ini.

Jika Dr Mahathir beremosi, satu tempoh tertentu terpaksa diperlukan lagi

untuk mereka mencari kelegaan dan menerima hakikat bahawa Perdana Menteri

tetap akan berundur daripada kerajaan dan parti.

Justeru, berdasarkan hakikat Dr Mahathir akan bersara selain cabaran, ancaman dan dasar penjajahan baru yang muncul pada peringkat serantau dan

antarabangsa; keperluan satu usaha pembaharuan dalam Umno; serta cabaran dalaman parti dan domestik - satu usaha perlu dilakukan untuk menyelesaikannya.

Sama ada melalui kerajaan, pertubuhan atau Umno, perlu dipanggil satu perhimpunan sama ada kolokium, seminar atau kongres untuk mencari jalan menanganinya.

Ini isu yang amat besar, bersifat strategik dan kritikal. Kelewatan kita

bersedia dan memperkasakan diri, ekonomi dan negara mendedahkan kita kepada satu bencana.

Siri pencernaan dan penggabungan diskusi intelek ini perlu dilakukan beberapa siri bagi mendapatkan sari pati terbaik untuk diadun dalam penggubalan dasar, rancangan dan tindakan negara.

Selain itu, melalui Perhimpunan Agung Umno ke-54 itu, beberapa komitmen

atau tindakan yang perlu direalisasikan ialah:

Keputusan Umno mengkaji cara terbaik untuk mewujudkan kod etika bagi memperketatkan lagi pemilihan dalam parti tahun depan. Ia mesti mengandungi cara bagaimana kod etika itu mesti dipatuhi dan mampu

menghukum pemimpin dan ahli yang melanggarnya.

Kod etika bukan bertujuan mengekang demokrasi dalam Umno tetapi atas maksud bahawa kawalan perlu ada bagi memastikan kempen memilih kepemimpinan tidak akan menghancurkan parti.

Kita juga harus ingat tidak semua orang boleh menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno. Begitu juga daripada 3,038,025 ahli Umno sekarang, hanya seorang akan dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri dan 'secara automatik' menjadi Timbalan Presiden. Maksud di sini, jawatan yang ada terlalu terhad dan tidak semua yang bercita-cita dapat mengisi jawatan itu.

Ikrar dan pengakuan terbuka ketiga-tiga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang akan mematuhi sebarang keputusan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila menjadi Perdana Menteri, berhubung siapa timbalannya.

Dengan ikrar tidak akan mencabar sesama sendiri oleh ketiga-tiga Naib Presiden itu, ia boleh direalisasikan jika ahli memperkukuhkan kemahuan dan mengekalkan 'mood' menentang sebarang bentuk usaha kempen dan perbalahan pada peringkat kepemimpinan tertinggi Umno.

Jangan ada alasan lagi daripada mana-mana pemimpin terbabit mengenai ketidakmampuan menahan 'tekanan' penyokong dan orang di kanan kiri yang mahu mereka bertanding mengisi sesuatu jawatan kanan walaupun disedari tindakan itu akan memecahkan parti.

Ikrar dan pengakuan Tan Sri Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah untuk tidak mengganggu-gugat Umno dengan cara menawarkan diri atau membentuk regu bagi pertandingan mengisi jawatan timbalan atau Presiden Umno. Ini suatu kelegaan kepada Dr Mahathir. Harapan kepada kedua-dua tokoh itu sekarang ialah mereka memberikan komitmen kepada ikrar berkenaan.

Insafilah kita dengan sejarah hitam 1987 dan 1998. Umno dan Melayu tidak perlu mengulangi peristiwa buruk itu. Ia terlalu memeritkan dan kegagalan mengawal keadaan akan mengheret Melayu ke kancah kehancuran.

Menubuhkan segera Pusat Pemikiran Dr Mahathir sebagaimana dipersetujui Pak Lah. Letakkan Dr Mahathir pada satu tempat istimewa di dalamnya.

Pusat berkenaan adalah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) milik Umno tetapi untuk semua. Adanya Dr Mahathir sebagai 'orang biasa' selepas Oktober ini, memberi peluang beliau membantu mencerna dasar rancangan untuk kepentingan Melayu serta negara. Pusat itu boleh dijadikan saluran 'bantuan' daripada Dr Mahathir kepada rakyat negara ini selain masyarakat antarabangsa, khususnya umat Islam serta Dunia Ketiga.

Pusat Pemikiran Dr Mahathir juga boleh mengumpulkan pakar dalam beberapa bidang bagi maksud R&D terhadap pelbagai bentuk 'ancaman luar' dan dasar baru Barat, umpamanya membenarkan tindakan 'pre-emptive' yang cenderung menggunakan kekuatan ketenteraan terhadap mana-mana negara dengan pelbagai alasan; keghairahan melaksanakan slogan 'regime change'; perubahan aliran dunia yang ditentukan oleh Barat untuk kepentingan mereka; serta tekanan untuk memonopoli dunia melalui dasar beberapa pertubuhan dunia.

Begitu juga usaha negara tertentu memanipulasikan demokrasi untuk

campur

tangan dalam sesebuah negara lain dan memperjuangkan kononnya hak asasi sebagai usaha memusnahkan struktur tata susila dan nilai Asia yang mereka

anggap tidak `bersikap terbuka`.

* Menangani masalah hedonisme - keseronokan tanpa had, kebebasan mengikut nafsu khususnya nafsu seks, penagihan dadah dan ketagihan bahan pornografi sebagaimana kebimbangan Dr Mahathir. Justeru, memang ada keperluan dan keutamaan untuk membanteras gejala sosial yang turut membabitkan sebahagian besar golongan muda Melayu.

Kita harus insaf dan waspada terhadap hasil rumusan daripada satu persidangan gereja Yahudi di Barcelona pada 1232, iaitu mengekskomunikasikan - mengeluarkan seseorang daripada agama dan lingkungan masyarakat pengikut dan pemeluk agama itu - semua orang yang membaca buku-buku selain daripada hanya Injil, ketika orang yang bersangkutan masih berusia kurang daripada 25 tahun.

Kefahaman daripada kenyataan itu ialah musuh kita akan terus menyuburkan

hedonisme di kalangan remaja dan belia (yang sememangnya berusia kurang daripada 25 tahun) kerana golongan ini paling mudah diperangkap dan dimusnahkan jiwa serta jati diri mereka melalui seks bebas, penagihan dadah, berfoya-foya dan rontaan untuk berasa bebas.

Musuh kita menyalurkan hedonisme melalui filem, fesyen pakaian, lagu, tarian serta penonjolan watak dan idola yang akhirnya terus menjerumuskan

mereka ke kancang kehancuran jiwa serta nilai diri, sekali gus melemahkan sesuatu bangsa.

Jika kerajaan mampu membanteras penjualan cakera padat video (VCD) cetak

rompak dan lucah, tidak ada alasan masalah pengedaran dan penagihan dadah,

pelacuran serta pusat hiburan haram tidak mampu ditangani.

Kerajaan harus mengetahui dan bertindak apakah yang menghalang penguatkuasaan terhadap masalah itu selama ini.

Insafilah, jiwa dan nilai diri yang hancur akan memberi kesan kepada Melayu, seterusnya Umno, Islam dan negara.

Sebagai tulang belakang bangsa Melayu, Umno perlu sentiasa perkasa bagi

memastikan negara ini terus mampu melaksanakan pembangunan, aman makmur, merdeka dan dihormati.